

**FALSAFAH LOGIK ARISTOTLE: IMPLIKASI, REAKSI
DAN INTERAKSI TERHADAPNYA DALAM DUNIA
KEINTELEKTUALAN ISLAM**
*History and Philosophy of Aristotle's Logic: Implications,
Reactions and Interactions in the World of Islamic Intellectuality*

¹KHALID ISMAIL

²MUHAMMAD HAZIM MOHD AZHAR

^{1&2}*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Perlis*
¹*khalisma799@gmail.com; ²hazimazhar2016@gmail.com*
Tarikh Dihantar: 23 Mei 2021 /Tarikh Diterima: 19 Jun 2021

Abstrak Falsafah logik disinonimkan sebagai metodologi akal dalam keupayaan berfikir seorang insan. Secara tidak langsung, ia menjadi suatu abstrak sejak kewujudan manusia pertama lagi kerana saling bergantung antara kedua-duanya. Penataan dan pembukuan falsafah logik secara sistematik dikatakan telah dimulai oleh seorang tokoh falsafah Yunani yang terkenal, iaitu Aristotle sehinggalah beliau digelar sebagai “Guru Pertama” dan seterusnya mempengaruhi budaya intelek dan tamadun manusia. Bahkan, penataan dan pembukuan tersebut turut melebar ke wilayah keilmuan Islam lalu diidentifikasi sebagai ilmu mantik. Melalui kaedah sorotan pensejarahan dan klasifikasi deskriptif, kajian ini menekankan berkenaan sejarah perkembangan falsafah logik gagasan Aristotle yang bermula sebelum kelahiran beliau sehinggalah pengaruh beliau tersebar masuk ke dunia Islam melalui aktiviti dan gerakan penterjemahan serta meninjau reaksi para intelek Muslim berdasarkan beberapa klasifikasi disiplin ilmu Islam. Kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa tokoh atau aliran yang bersikap terbuka dan mesra dengan falsafah logik Aristotle, tetapi ada juga yang menentang keras terhadapnya. Sementara itu, reaksi al-Ghazali yang bersifat wasatiyyah menerimanya tetapi perlu melalui proses penyaringan dan Islamisasi. Reaksi al-Ghazali tersebut menyebabkan falsafah logik berasimilasi dengan pelbagai disiplin ilmu Islam. Interaksi sebegini secara tidak langsung menggambarkan Islam menganjurkan sikap keterbukaan dalam meraikan ilmu walaupun ia datang dari bukan Islam dan dalam masa yang sama tetap teguh menjaga prinsip ajaran agama. Pengkaji juga turut menyentuh beberapa hujah sokongan dan kritikan yang dikemukakan ketika

mana para cendekiawan berinteraksi dengan ilmu mantik. Sikap, reaksi dan metode interaksi mereka perlu difahami, ditekuni dan dinilai, seterusnya diadun dengan situasi masa kini dalam usaha pembinaan wacana keilmuan dunia Islam yang lebih mekar.

Kata kunci: *Falsafah logik, fikir, Aristotle, ilmu mantik, budaya ilmu Islam.*

***Abstract** The philosophy of logic is synonymous as the methodology of the intellect in human thought. It has indirectly been abstract since the first human existence because of the interdependence of the two. Where the arrangement and bookkeeping of logical philosophy systematically is said to have started by the famous Greek philosopher Aristotle until he was called the “First Teacher” and subsequently influenced the cultural culture and human civilization. In fact, it also extends to the realm of Islamic science and is identified as a science of logic. Through the method of historical highlighting and descriptive classification, this paper highlights the history of the development of logical philosophy of Aristotle’s idea began before his birth to spread into the Islamic world through the activities and movement of translation and review the reactions of Muslim intellectuals based on the classification of several Islamic disciplines. This study finds that there are certain scholars or school of thoughts that are accept and friendly with Aristotle’s logical philosophy but there are also those who strongly reject it. Whereas al-Ghazali’s moderate reaction that is to accept it but had to go through the process of screening and Islamization. Al-Ghazali’s reaction that caused the philosophy of logic to assimilate with the various disciplines of Islamic knowledge. Such interactions which is not directly reflect that Islam wants an attitude of inclusiveness in acknowledging science but although it comes from non-Muslims and at the same time remains steadfast in maintaining the principles of religious teachings. This paper also touches on the supporting arguments and criticisms put forward when the intellectuals interact with logic. Their attitudes, reactions and methods of interaction need to be understood, pursued and evaluated and then compared with the current situation in an effort to build a fresher scientific discourse of the Islamic world.*

Keywords: *Philosophy of logic, thought, Aristotle, ‘Ilm al-Mantiq, Islamic intellectual culture.*

PENDAHULUAN

Dalam menelusuri cabaran ideologi masa kini, adalah amat penting melahirkan kelompok individu masyarakat yang mempunyai gaya fikir yang kreatif dan kritis. Ia dapat dipupuk melalui falsafah logik yang bermatlamatkan pembentukan struktur hujah untuk berfikir dengan benar dan lebih jelas. Ia amat penting dalam kegunaan seharian apatah lagi dalam pengimplementasian proses kajian atau penyelidikan. Kata *falsafah* dan *logik* mempunyai rangkuman dan hubungan falsafahnya yang tersendiri. Kata *falsafah* dalam erti kata simplistik bermaksud kajian atau pemahaman yang mendasari semua cabang penyelidikan manusia, manakala *logik* merupakan cawangan falsafah yang paling asasi. Jadi, falsafah logik merupakan satu seni yang berperanan menentusahkan keabsahan teori dan maklumat yang diperolehi dalam apa-apa penyelidikan. Dewasa ini, falsafah logik mula mendapat perhatian dalam dunia pendidikan di negara melalui pengenalan kursus Falsafah dan Isu Semasa yang menjadi kursus wajib universiti dan diklasifikasikan sebagai prasyarat untuk penamatan pengajian. Dalam tradisi keilmuan Islam, falsafah logik berada dalam lautan khazanah disiplin ilmu yang berterusan mengkhidmati umat Islam melalui perangkaan metodologi perinteraksian dengan ilmu naqliyyah dan pembentukan cara fikir serta pembinaan peradaban muslim. Namun, pada satu sisi falsafah ini turut ditentang dalam wacana keilmuan Islam juga. Seni ini dibincang dan diperdebatkan dalam ruang lingkup ilmu mantik.

Kepentingan Ilmu Mantik dan Sejarah Perkembangannya

Perkataan mantik (*logic/dialectic*) adalah terbitan daripada ‘*Nutq*’. Ia merujuk tiga perkara, iaitu fakulti aqal yang dengannya manusia mengetahui dan mengenali alam ma‘qulat, tanggapan secara universal (kulli) dan pengucapan yang menyatakan makna-makna¹ (Muhyi al-Din Sofi, 1983). Seni ini digelar mantik kerana memberi peraturan-peraturan kepada fakulti rasional bagi pertuturan dalaman, iaitu ma‘qulat juga peraturan sepunya semua bahasa bagi percakapan luaran, iaitu yang merujuk kepada lafaz kerana ia membimbing fakulti rasional dalam peranannya ke arah mencari kesimpulan yang benar serta melindunginya daripada kesilapan. (Osman Bakar, 1991) Mantik melalui pengertian umumnya merujuk

kepada penggunaan potensi akliah yang dikurnia oleh Allah SWT dalam setiap lapangan kehidupan seharian manusia. Mantik sebagai satu disiplin ilmu pula merupakan penggunaan logik akal untuk berfikir secara tepat berdasarkan himpunan kaedah yang terkandung dalam tiga bahagian ilmu, iaitu *al-tasawwurat*, *al-tasdiqat* dan *al-istidlalat* (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2020).

Dalam konteks semasa di alam pengajian dan penyelidikan, sedar atau tanpa sedar, mantik atau seni berfikir ini diperlukan oleh setiap ahli sains tabii dan ahli sains sosial, ahli bahasa, ahli agama dan falsafah. Konsep dan teori seni berfikir berhubung rapat dengan pelbagai persoalan dalam pelbagai disiplin ilmu terutamanya dalam falsafah sains.² Dalam proses analisa data dapatan penyelidikan misalnya, kaedah deduktif berakar dari metode *al-qiyas*³, manakala kaedah induktif berakar dari metode *istiqra*⁴.

Namun, tidak dinafikan sebahagian dalam kalangan penuntut ilmu mahupun penyelidik mempersoalkan kepentingan dan keperluan ilmu mantik. Pada hakikatnya ilmu mantik adalah antara ilmu yang penting dalam bidang pemikiran kerana menjadi alat untuk mendapat dan menguji sesuatu disiplin ilmu, menerangkan antara kebenaran dengan kepalsuan, haq dan batil dan sebagainya. Ilmu mantik juga dapat membantu menajamkan akal fikiran serta membolehkan manusia berfikir dengan lebih sistematik dan kreatif lagi (Iwadullah Jad Hijazi, 1985). Ilmu mantik merupakan satu cabang asasi dari ilmu falsafah.⁵ Keupayaan menguasai ilmu mantik adalah salah satu syarat penting untuk menguasai ilmu falsafah. Salah satu sumbangan besar dalam bidang ini ialah memperkenalkan banyak istilah baharu dengan membawa pengertian teknikal atau saintifik yang masih digunakan hingga ke hari ini.⁶

Jika ditinjau dari segi kedudukan dan hubungannya dengan akal adalah seumpama kedudukan seni nahu dalam hubungannya dengan bahasa. Seperti mana ilmu nahu membetulkan bahasa, demikianlah juga ilmu mantik membetulkan akal supaya ia membuahkkan fikiran yang betul sahaja dalam apa juga perkara yang mana kesilapan boleh berlaku.

Tanpa akal dan sistem fikir yang benar, manusia tidak mampu membeza dan menapis saring antara yang benar dan salah, juga baik dan buruk. Bahkan, hakikat manusia pada asalnya tidak mempunyai ilmu, tidak mengetahui apa-apa sebagaimana firman Allah;

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ
لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Terjemahannya: *Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibumu dalam keadaan kamu tidak mengetahui sesuatupun, dan Dia memberi kamu pendengaran, penglihatan dan hati, agar kamu bersyukur.*

(al-Quran, Surah al-Nahl, 16:78)

Namun, dengan rahmat Allah, manusia telah dianugerahkan dengan punca-punca ilmu dan cara-cara mendapatkannya, iaitu sumber deria (luaran) dan deria (dalaman). Dengan kedua-dua deria ini, manusia dapat memahami segala apa yang wujud dalam alam ini sama ada secara universal atau partikular sebagai cara untuk mengenal Allah SWT dan beriman akan kewujudan-Nya (Iwadullah Jad Hijazi, 1985).

Malangnya, manusia dalam setiap pilihan dan tindakannya sering kali terdedah kepada kesalahan dan kesilapan. Antaranya kesilapan atau kesalahan dalam pancaindera yang lima kerana deria luaran mudah terdedah kepada kesalahan seperti kadang-kadang sesuatu yang panjang itu kelihatan pendek, atau melihat angka satu disangkakan dua. Begitu juga mudah berlaku kesalahan dalam pegangan kepercayaan atau iktikad seperti alam ini ada dua Tuhan atau alam ini terjadi dengan sendirinya atau bumi ini berada atas tanduk lembu dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, manusia memerelukan satu hukum atau peraturan umum yang boleh mengukur atau menimbang antara pemikiran yang benar dengan pemikiran yang palsu. Pengukur dan penimbang akal dalam berfikir itu terangkum dalam disiplin ilmu mantik (Muhyi al-Din Sofi, 1983; Iwadullah Jad Hijazi, 1985).

Pada hakikatnya kaedah mantik memang wujud secara fitrah pada setiap manusia. Oleh itu, manusia telah menggunakannya dalam pemikiran mereka sebelum penyusunan dan pembukuannya lagi. Begitu juga iblis telah menggunakan *Qawanin/Qawaid al-fikr al-mantiqi* pada permulaan ciptaan manusia untuk membuktikan ia lebih baik daripada Adam. Firman Allah;

قَالَ مَا مَنَّكَ إِلَّا تَسْجُدَ إِذْ أَمَرْتُكَ قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِنْهُ خَلَقْتَنِي مِنْ نَارٍ وَخَلَقْتَهُ مِنْ طِينٍ

Terjemahannya: Allah berfirman: “Apakah yang menghalangimu untuk bersujud (kepada Adam) di waktu Aku menyuruhmu?” Menjawab iblis “Saya lebih baik daripadanya: Engkau ciptakan saya dari api sedang dia Engkau ciptakan dia dari tanah,”
(al-Quran, Surah al-A‘raf, 7:12)

Berdasarkan ayat tersebut, dapat difahami bahawa Iblis berhujah dengan penggunaan silogismenya yang berbentuk *syakal awal*; premis pertama, aku dicipta daripada api, dan Adam daripada tanah; premis kedua, setiap yang dicipta daripada api lebih baik yang dicipta daripada tanah, maka natijahnya, aku lebih baik daripada Adam (Muhyi al-Din Sofi, 1983). Begitu juga Nabi Ibrahim telah menggunakan kaedah yang sama dalam membuktikan segala fenomena alam bukanlah Tuhan melalui penggunaan silogisme yang dapat dilihat; premis pertama, bintang berubah-ubah; premis kedua, setiap yang berubah-ubah tidak boleh menjadi Tuhan, maka natijahnya, bintang ini bukanlah Tuhan. Firman Allah;

فَلَمَّا جَنَّ عَلَيْهِ اللَّيْلُ رَأَى كَوْكَبًا قَالَ هَذَا رَبِّي فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَا أُحِبُّ الْإِفْلِينَ

Terjemahannya: Ketika malam telah gelap, dia melihat sebuah bintang (lalu) dia berkata: “Inilah Tuhanku,” tetapi tatkala bintang itu tenggelam dia berkata: “Saya tidak suka kepada yang tenggelam.”

(al-Quran, Surah al-An‘am, 6: 76)

Pokoknya kaedah mantik memang digunakan dalam kehidupan seharian manusia sama ada secara sedar atau tidak. Bahkan, Tawfik al-Attas (2007) berpandangan kemunculan falsafah dan pemikiran mantik semula jadi secara umumnya bermula seiringan dengan kelahiran itu sendiri. Hal yang sedemikian telah menyebabkan ahli-ahli falsafah Yunani menyusun dan membukukannya dan menjadikannya sebagai satu bentuk disiplin ilmu. Dalam penelusuran sejarah Yunani, orang pertama yang dianggap menyusun kaedah-kaedah mantik adalah Aristotle.⁷ Namun demikian, sebelum munculnya Aristotle telah wujud satu golongan skeptis di Athens pada pertengahan kedua kurun kelima Masihi yang dikenali dengan nama golongan *Sufastoiiyyun* (Jamil Saliba, 1982; Ibrahim Madkur, 1983).

Golongan *Sufastoiiyyun* suka bermain dengan perkataan-perkataan dan makna-makna. Salah satu dari falsafah mereka ialah manusia adalah kayu pengukur kepada segala perkara. Natijahnya, sesuatu itu adalah bersifat nisbi atau relatif. Pancaindera adalah satu-satunya sumber ilmu dan makrifah. Mereka telah mengajar belia-belia Yunani tentang persoalan-persoalan kebenaran dan kebatilan.

Mereka tidak percaya kepada *haqaiq al-kuliyah* dan mengkritik agama serta ragu tentangnya. Hal ini merujuk balik kepada falsafah mereka yang berpegang semata-mata kepada pancaindera. Kemudiannya membina argumentasi bahawa berlainan individu sudah tentu berlainan pancaindera, maka fakta-fakta kebenaran turut menjadi berlainan (Iwadullah Jad Hijazi, 1985).

Pemikiran golongan *Sufastoiiyyun* dapat dirumuskan melalui tiga kumpulan; 1) *al-'inadiyyah* (skeptik), iaitu golongan yang meragui dan menafikan hakikat sesuatu serta menganggap setiap hakikat hanyalah sekadar khayalan dan imajinasi; 2) *al-'indiyyah* (subjektif) iaitu golongan yang mengambil sikap subjektif dengan mempertimbangkan sesuatu mengikut pandangan peribadi; dan 3) *al-la adriyyah* (agnostik), iaitu golongan yang meragui secara keseluruhan tentang hakikat ilmu (Basri Husin, 2018).

Maka, untuk menyelamatkan keadaan akhlak yang rosak dan pemikiran yang sesat, maka lahirlah seorang ahli falsafah Yunani yang bernama Socrates yang cuba mengembalikan semula *sina'ah al-fikr* Yunani dengan betul setelah dikotori oleh golongan *Sufastoiiyyun*. Beliau berpendapat untuk mendapat ilmu dan makrifat hendaklah melalui akal dan pancaindera. Hal ini disebabkan fakulti akal adalah peraturan sepunya yang umum pada semua manusia berbanding dengan pancaindera. Socrates terkenal dengan metode *Jidal* iaitu *Hiwar* dan *Munaqasyah*. Ia bertujuan untuk sampai kepada proses kelahiran makna yang hakiki dan boleh dicapai melalui metode *Istiqra'* (induksi). Bermula dari sini, beliau telah memperkenalkan konsep *haqiqah kuliyah* atau konsep takrif dalam sejarah perkembangan ilmu mantik Yunani.⁸

Selepas Socrates, lahir pula tokoh didikan beliau sendiri iaitu Plato yang turut menentang pemikiran dibawa oleh golongan *Sufastoiyyun*. Beliau menggunakan pendekatan yang sama seperti gurunya iaitu konsep *istiqra'* dan konsep takrif, cuma beliau memperluaskan lagi konsep tersebut dan menambahkannya dengan *al-Qismah al-Mantiqiyyah*.⁹

Perkara ini berterusan sehinggalah datang murid Plato iaitu Aristotle yang dikatakan telah mengasaskan metode *qiyas*. Dengan hal yang demikian, ahli sejarah logik telah berkata bahawa Aristotle adalah orang pertama yang menyusun atau mengasaskan ilmu mantik dan juga orang yang pertama menyusun kaedah-kaedahnya pada kurun ke-4 Sebelum Masihi. Beliau juga dikatakan telah mengedit topik-topik dan persoalan-persoalannya dan menjadikannya sebagai mukadimah kepada ilmu falsafah.

Menurut Muhyi al-Din Sofi (1983) dalam bukunya *Taudih al-Mantik al-Qadim*, terdapat tiga asas falsafah logik Aristotle. Pertamanya ialah apa yang dipanggil sebagai prinsip *Sababiyyah*. Prinsip ini bermaksud suatu perkara berlaku dengan bersebab seperti kekenyangan sebab makan, kebakaran sebab api, kesembuhan sebab ubat dan seumpamanya. Keduanya ialah *Qanun 'Adam al-Tanaqud*. Prinsip ini menyatakan bahawa dua perkara yang berlawanan tidak boleh berhimpun pada satu masa dan tempat yang sama seperti hidup atau mati, besar atau kecil, kaya atau miskin dan lain-lain, manakala prinsip yang akhir ialah *Qanun al-Imtina'*. Prinsip ini bermaksud sesuatu itu jika disifatkan dengan sesuatu perkara, maka sifat yang lawannya tidak ada atau wujud seperti jika tidak hitam (maknya putih), jika tidak sejuk (maknya panas) jika manis (maknya tidak pahit). Sebenarnya terdapat banyak hukum logik Aristotle yang diguna pakai masa kini, terutama dalam bidang perundangan dan bahasa, falsafah, matematik, perubatan dan lain-lain.

Setelah kematian Aristotle, muncul golongan *Stoicism* yang percaya bahawa semua penyelidikan bertujuan untuk menentukan cara tingkah laku dan bagaimana hidup bersesuaian dengan alam semula jadi. Dalam falsafah logik, Zeno selaku pengasas aliran *Stoicism* menyatakan bahawa logik merupakan alat atau instrumen dan bukannya dengan tujuannya ilmu logik itu sendiri. Setelah itu, dua orang tokoh *Stoicism* iaitu Panaetius dan Poseidonius telah berperanan mengembangkan populariti Stoicisme di Rom (Saunders, 2019).

Semasa Rom menakluk Yunani pada abad pertama Sebelum Masihi, seorang sasterawan Rom telah mengkaji mantik lalu merasa kagum dan mensyarahkannya ke dalam bahasa Rom. Kemudian, lahir pula selepasnya Porphyry pada kurun ke-3 Selepas Masihi. Beliau dianggap sebagai tokoh yang telah mengasaskan mukadimah bagi ilmu *maqulat* (pengenalan kepada ilmu mantik), iaitu *Kuliyyat al-Khamsah* yang terkenal dengan nama Isagoge. Keadaan ini kekal hinggalah ilmu mantik diterjemahkan ke dalam bahasa Arab pada zaman Abbasiyah. Pada ketika itu, barulah orang Arab mempelajari dan mengembangkannya.

Dengan ini, falsafah Yunani terutama mantik telah menyerap masuk dalam alam keintelektualan Islam termasuklah persoalan-persoalan metafizik dan menimbulkan beberapa persoalan tentangnya. Perkara paling dasar ialah persoalan hukum mempelajari dan mengajarnya. Dalam masa yang sama, orang Islam terpaksa menggunakan ilmu mantik sebagai senjata untuk mempertahankan akidah ketika berpolemik dengan orang Yahudi dan Nasara yang juga menggunakan senjata mantik atau *qiyas*. Hal ini menyebabkan ilmu mantik telah bercampur secara tidak sistematik dengan ilmu-ilmu Islam seperti ilmu kalam, ilmu usul fiqh dan lain-lain sehingga muncul Imam al-Ghazali pada kurun ke-5 Hijrah.¹⁰ Beliau dianggap telah cuba menyucisaringkan ilmu mantik dari pengaruh falsafah Greek dengan menjadikannya sebagai satu ilmu yang tulen, dan menyusunnya dalam kitabnya yang bernama *Mi'yar al-ilm* sehingga beliau pernah berkata, "*Sesiapa yang tidak mengetahui ilmu mantik maka ilmunya tidak kukuh*" ('Ali Sami Al-Nashar, 1977).

Selepas Imam al-Ghazali, ramailah para sarjana Islam terkemudian seperti Fakhr al-Din al-Razi dan Athir al-Din al-Abhari membuat komentar, syarah dan penyusunan. Malah, disiplin ilmu mantik telah menyerap masuk ke dalam beberapa disiplin ilmu Islam. Keadaan ini berterusan hinggalah berlaku perpindahan ilmu dan sains daripada orang Islam ke dunia Barat melalui proses penterjemahan.¹¹ Menurut Hasse (2006), gerakan penterjemahan tersebut didorong oleh beberapa faktor iaitu minat peribadi penterjemah, permintaan teks ilmiah oleh pusat-pusat pengajian,¹² ketersediaan naskhah-naskhah bahasa Arab di bandar-bandar yang baharu ditakluk oleh orang Kristian; dan usaha mempromosikan budaya saintifik Latin dalam persekitaran Kristian berbahasa Arab.

Pengenalan falsafah Arab ke Eropah Latin melalui proses penterjemahan ini berlaku ketika zaman Renaissance sehingga muncul zaman moden. Ia telah membawa kepada perubahan hampir semua disiplin falsafah, falsafah alam, psikologi, metafizik, etika serta termasuk juga logik (Hasse, 2020). Maka, waktu itu mantik sudah mengalami satu metodologi baharu melahirkan logik moden yang dikenali dengan nama mantik *istiqra'* yang banyak memberi faedah dalam bidang sains tabii kerana ia banyak berpegang kepada kaedah percubaan dan pengamatan. Inilah yang dinamakan sebagai *mantiq al-hadis* atau *istinbat* (Iwadullah Jad Hijazi, 1985).

Antara tokoh terawal Barat yang telah memelopori dan mengasaskan ilmu mantik moden adalah ahli-ahli falsafah Inggeris seperti Francis Bacon yang hidup pada akhir kurun ke-16. Beliau banyak mengkritik *mantik suri* Aristotle dengan menganggapnya tidak banyak memberi faedah. Selepas Bacon, mantik moden ini dikembangkan lagi oleh ahli falsafah Perancis iaitu Rene Descartes, John Stuart Mill dan lain-lain (Iwadullah Jad Hijazi, 1985).

PENGARUH ILMU LOGIK DALAM DUNIA KEILMUAN ISLAM

Tidak dapat dinafikan falsafah logik garapan Aristotle berjaya mempengaruhi struktur pemikiran dan keilmuan umat Islam ketika era keemasan ilmu pengetahuan. Malah, ia turut mempengaruhi masyarakat Barat pada era Renaissance (Mohd Fauzi Hamat, 1996). Sebenarnya, kemasukan ilmu mantik Aristotle ke dalam dunia Islam telah berlaku semenjak zaman awal lagi.¹³ Kemudian, disusuli dengan penterjemahan demi penterjemahan hatta sampai kepada satu tahap di mana telah bercampur beberapa kajian yang bukan Aristotle tetapi telah ditokok tambah oleh *Syurah Yunaniyun Mashaiyyun*.¹⁴ Begitu juga beberapa unsur penting *stoic logic* telah menyerap masuk melalui pelbagai cara.¹⁵

Dalam hal ini ahli-ahli fikir Islam telah mengambil sikap waspada dan berhati-hati terhadap mantik Aristotle. Oleh itu, dapat dilihat fenomena penyerapan ilmu ini hanya bermula pada kurun ke-5 Hijrah. Sebelum itu, tidak timbul persoalan penyerapannya kerana para ulama usul sama ada usul fiqh mahupun usuluddin tidak menerimanya, malah mereka telah mengasaskan mantik Islami atau mantik Qurani ('Ali Sami al-Nashar, 1977).

Namun, apa yang dapat dilihat bahawasanya kemasukan ilmu mantik dalam Islam adalah melalui orang Islam sendiri iaitu melalui ahli-ahli falsafah *Mashaiyyin*¹⁶ seperti Ibn Sina dan al-Farabi. Begitu juga hasil daripada usaha penterjemahan buku-buku falsafah Yunani ke dalam bahasa Arab yang membolehkan orang Islam mempelajari pandangan-pandangan falsafah mereka khususnya golongan *Kalam Mukhtazilah Falsafi*. Bahkan, mereka juga dapat mempelajari dua manhaj baharu dalam *Burhan*. Kedua-duanya ialah manhaj *qiyas* Aristotle dan manhaj *Tamthil* dalam Ilmu Kalam.

Kala itu, dalam keghairahan sebahagian umat Islam berinteraksi dengan logik Aristotle sama ada menentang keras atau bersikap mesra menyulam budaya, bahkan tenggelam dalam perbincangan falsafah yang bersimpang siur, al-Ghazali pula mengambil sikap wasatiyyah apabila beliau menapis saring dan mengkritik falsafah yang datang dari Yunani. Beliau begitu terbuka menerima kemasukan mantik Aristotle tetapi perlu kepada proses penapisan dan proses Islamisasi. Oleh itu, tidak dapat dinafikan sedikit sebanyak perkembangan kemasukan ilmu logik dalam dunia Islam adalah melalui beliau sendiri ('Ali Sami al-Nashar, 1977). Proses Islamisasi yang dimaksudkan bukanlah bermaksud memasukkan perbincangan agama dalam ilmu mantik, tetapi membersihkannya daripada semua permasalahan yang bercanggah dengan akidah Islam (Nayif Nahar, 2016).

Dalam mukadimah kitab *Maqasid al-Falasifah*, Imam Ghazali telah menulis tentang falsafah Yunani dan membahagikannya kepada empat bahagian besarnya; logik (*Mantiqiyyat*), teologi (*Ilahiyyat*), matematik (*Riyadiyyat*) dan kosmologi atau sains tabii (*Tabi'iyat*). Menurut beliau, cabang mantik lebih banyak benar dari salah, cuma yang berlainannya ialah dari aspek penguasaan istilah-istilah tetapi tidak melibatkan makna dan maksud (Abu Hamid al-Ghazali, 1987).

Dalam kitab *Mi'yar al-'Ilmi* pula, beliau menyatakan dengan jelas mantik memberi faedah dan manfaat pada *ulum teorites*, sama ada yang bersifat *'aqliyyah* mahupun *fiqhiyyah*. Perbezaannya hanyalah dari segi perkara atau maddah tapi bentuk dan seginya adalah sama. Banyak juga contoh fiqhiyyah telah dimasukkan. Al-Ghazali juga berpendapat bahawa seorang faqih apa yang ia tahu tentang ilmu fiqh, seorang mutakalim apa

yang ia tahu adalah tentang ilmu kalam, dan seorang faisaluf apa yang ia tahu adalah tentang falsafah. Malah, beliau menganalisis *istiqla' naqis* dan *qiyas tamthil* adalah mengikut metode fiqh yang membawa kepada *zhon* tidak kepada *yaqin*. Sebagai contoh dalam kalangan *Shafi'iyah* menyatakan bahawa menyapu kepala adalah antara perkara pokok dalam wuduk. Oleh itu, sunat diulang-ulangkannya. Hal ini adalah berdasarkan kepada metode *istiqla'* membasuh muka, dua tangan dan kaki, manakala dalam kalangan *Ahnaf* pula menyatakan bahawa menyapu tidak disunat diulang-ulang kerana *istiqla'* mereka dalam tayammum dan menyapa *khuf* (Abu Hamid al-Ghazali, 1990).

Dalam kitabnya yang lain iaitu *Mihak Nazar*, beliau menyatakan pula tentang penggunaan istilah. Beliau menukar perkataan *tasawwur* dan *tasdiq* dengan perkataan *ma'rifah* dan *'ilm*. Begitu juga tentang penggunaan istilah *maudu'* dan *mahmul*. Dari segi nahu disebut *mubtada'* dan *khobar*, ilmu kalam menyebutkannya *sifat* dan *mausuf*, manakala ilmu fiqh menyebutkannya *hukum* dan *mahkum* (Abu Hamid al-Ghazali, 2016).

Menurut Nayif Nihar (2016), implikasi dari tindakan dan pengaruh al-Ghazali ini menyebabkan tersebarnya aplikasi ilmu mantik dalam pelbagai disiplin ilmu Islamiyyah, sehinggakan para ulama Islam menambah dan mencorakkan perbahasan mantik yang tidak pernah diketahui oleh para ahli falsafah Yunani dan Parsi.¹⁷

REAKSI DAN INTERAKSI ILMU MANTIK DALAM DISIPLIN ILMU ISLAM

Pelbagai disiplin ilmu yang berkembang dalam kalangan umat Islam pada dasarnya tidak boleh dipisahkan dari pengaruh peradaban dan keilmuan yang telah ada sebelumnya. Hal ini demikian kerana perkembangan ilmu pengetahuan merupakan satu perjalanan atau proses reformulasi terhadap pengetahuan pada masa lalu. Pengaruh keilmuan dari peradaban sebelum kelahiran pelbagai disiplin ilmu Islam menjadi salah satu faktor luaran, di samping faktor dalaman yang memang sedia wujud dalam dunia keilmuan Islam itu sendiri. Salah satu faktor kuat yang memberi pengaruh adalah dari tamadun Yunani melalui tokoh seperti Aristotle (Taufikurrahman, 2009).

Seperti mana yang telah dinyatakan, penyerapan ilmu mantik atau logik Aristotle dalam Islam adalah melalui penterjemahan buku-buku Yunani ke dalam bahasa Arab terutamanya buku-buku falsafah, mantik, matematik, perubatan dan sebagainya. Hal ini berlaku pada zaman pemerintahan Khalifah Ja'far al-Mansur dan bertambah pesat lagi pada masa al-Makmun. Khalifah Ja'far melantik 'Abd Allah Ibn Muqafak sebagai penterjemahnya. Melalui usaha penterjemahan ini, sedikit sebanyak membantu menyumbang umat Islam mempertahankan akidah mereka dengan menggunakan pendekatan logik ketika mereka berpolemik dalam masalah akidah dengan orang Nasara dan Yahudi ('Ali Sami al-Nashar, 1977).

Usaha penterjemahan tersebut secara tidak langsung juga melahirkan perinteraksian antara logik Aristotle dengan pelbagai disiplin ilmu tradisi Islam. Dalam hal ini, reaksi dan interaksi ilmu mantik pada setiap disiplin ilmu tidak hanya dilihat pada diri ilmu tersebut sahaja. Penulis cuba membuat analisis deskriptif beberapa pandangan ahli fikir Islam dalam pelbagai disiplin ilmu dan juga metodologi yang digunakan. Antaranya ialah golongan *falasifah* Islam iaitu ahli falsafah dan ahli logik yang telah menerima logik Aristotle. Mereka ini dikenali dengan nama *al-Syurrah al-Islamiyun al-Rawaqiyun*, manakala golongan kedua ialah *Mutakalimun* dan *Usuliyun* yang awal. Golongan ini tidak menerima mantik Aristotle sejak awal tetapi tetap melakukan percubaan mengasaskan mantik Islami yang tulen. Seterusnya, golongan ketiga ialah fuqaha' Ahl al-Sunnah wa a-Jama'ah dan ahli fikir salaf. Golongan ini mengambil sikap keras menentang mantik Aristotle namun tetap menyertakan kritikan yang membina ('Ali Sami al-Nashar, 1977).

Reaksi Golongan Ahli *Falasifah Mashaiyyah*

Istilah *Mashaiyyah* adalah merujuk kepada satu institusi pengajian di Lyceum suatu tempat yang berhadapan dengan pintu gerbang Kota Athens yang diberi nama "Drocheres". Mereka dinamakan ahli falsafah *Mashaiyyun* kerana mungkin institusi adalah tempat ibadat yang dikhususkan kepada pencipta seni seperti Akademi Plato atau barangkali kerana para mahasiswa atau mahasiswi institusi itu biasanya berjalan (istilah bahasa Arab; *mashi*) ke hulu dan ke hilir ketika sesi pembelajaran dan pengajaran ilmu falsafah

Greek atau membincangkan masalah-masalah akademik. Turut digelar dengan istilah ahli falsafah Peripatetik, antara tokoh-tokohnya adalah seperti al-Kindi, al-Farabi, Ibn Sina dan Ibn Rushd. Dalam penulisan ini, penulis tidaklah berhasrat untuk menilai falsafah mereka, tetapi sekadar mengupas sikap mereka terhadap mantik Aristotle. Sikap dan reaksi mereka dilihat mesra dan harmoni dalam berinteraksi dengan falsafah mantik Aristotle.

Abu Nasr al-Farabi yang turut popular dengan gelaran “guru kedua” telah memposisikan ilmu mantik pada kedudukan yang tinggi dinisbahkan pada ilmu-ilmu yang lain (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2020). Gelaran “guru kedua” atau *al-Mu'allim al-Thani* sudah menggambarkan reaksi beliau terhadap pemikiran Aristotle, iaitu lanjutan pemikiran beliau yang dipengaruhi oleh “guru pertama” atau *al-Mu'allim al-Awwal* iaitu Aristotle (Puji Kurniawan, 2018).

Karya-karya al-Farabi mengandungi lebih dari seribu halaman yang dikhususkan untuk menjelas dan memperkenalkan isi tulisan logik Aristote. Beliau telah menterjemah dan menunjukan kepada pada ilmuan yang berbahasa Arab (Wilfrid Hodges & Anne Druart, 2020). Al-Farabi telah menulis tentang ilmu mantik berbasis karya bertajuk *Organon* oleh Aristotle. Antara karya bidang logik beliau adalah *al-Mukhtasar al-Saghir fi al-Mantiq 'ala Tariqat al-Mutakallimin*. Sebahagian besar berkenaan karya al-Farabi yang berhubungan dengan Aristotle telah diedit secara kritis dan dikumpulkan dalam oleh Rafiq al-'Ajam dan Majid Fakhry dalam penulisan yang bertajuk *al-Mantiq 'inda al-Farabi* (Anne Druart, 2020).

Penulisan komentar al-Farabi dianggap sebagai karya beliau yang istimewa dalam bidang logik. Beliau telah menulis tentang logik Aristotle secara lengkap, dan memberi komentar terhadap perbincangan-perbincangan penting logik seperti *Analitica Posteriora (al-Burhan)*, *Analitica Priora (Qiyas)*, *Isagoge (Intoduction)*, *Sophistica (mugholatoh)*, *De Interpretitione ('Ibaroh/hermeneutics)* dan *De Categoriae (Maqulat)* (Puji Kurniawan, 2018).

Dari aspek peranan ilmu logik, al-Farabi dalam karyanya yang bertajuk *Ihsa' al-'Ulum* menyatakan bahawa kaedah-kaedah ilmu mantik

merupakan alat fikir yang berperanan memperbetul dan memandu manusia ke jalan yang benar dan mengelak daripada melakukan kesilapan dalam dalam hal berkaitan *al-ma'qulat*. Kejahilan terhadap peraturan-peraturan tersebut boleh membuka ruang seseorang terbabas dalam membezakan pandangan atau pemikiran yang benar dan rosak (Abu Nasr al-Farabi, 1996).

ia juga dianggap sebagai alat uji kaji lapangan pemikiran seseorang, sama ada seseorang memperbetulkan pemikiran orang lain, diri sendiri atau orang lain memperbetulkan pemikiran dirinya. Maknanya, ia mampu dimanfaatkan untuk semua disiplin ilmu pengetahuan (Abu Nasr al-Farabi, 1996).

Beliau juga percaya bahawa hubungan mantik dengan akal ibarat hubungan nahu dan bahasa atau kaedah-kaedah 'arud dengan syair dengan meletakkan akal di naungan prinsip-prinsip mantik.¹⁸ Bezanya, ilmu nahu atau tatabahasa tertumpu kepada sesuatu bahasa atau bangsa, manakala mantik lebih bersifat universal (Abu Nasr al-Farabi, 1996).

Samalah halnya dengan pendirian Ibn Sina, ilmu mantik merupakan kaedah-kaedah yang berperanan mengawal cara fikir manusia supaya tidak berlaku kesilapan dalam berfikir (Ibn Sina, 1960). Ibn Sina juga menggunakan perkataan *sina'ah al-nazariyyah* atau *sina'ah al-mantiq*. Hal ini demikian kerana seni mantik disamakan dengan seni berenang (Iwadullah Jad Hijazi, 1985).

Dalam usaha memahami mantik Aristotle, beliau telah mengkaji, kemudian meringkas dan membuat penjelasan tentangnya. Dalam karyanya, beliau didakwa mantik Timur selaras dengan mantik aliran *Mashshai*. Beliau juga mengajarkan falsafah gaya baharu yang berkecenderungan aliran Aristotle dan *Mashshai* serta menggabungkan kedua-duanya dengan pendekatan kaedah falsafah Neo-Platonisme. Menyentuh tentang metode qiyas, definisi yang diutarakan oleh beliau kelihatan berbeza dengan apa yang diberikan oleh Aristotle. Beliau mengklasifikasikan silogisme kepada dua iaitu konjunktif dan ekseptif. Beliau melengkapkan definisi tersebut dengan menggunakan gaya bahasanya yang tersendiri. Antara karya-karya penting mantik Ibn Sina ialah kitab *al-Najat*,¹⁹ *al-Nukat wa al-Fawa'id*²⁰ dan *al-Shifa'*²¹ (Tawfik al-Attas, 2007).

Dalam pada itu, Ibn Rushd dilihat menyokong dua tokoh failasuf sebelumnya. Beliau berpegang bahawa peranan ilmu mantik dan ilmu falsafah yang menganjurkan manusia untuk menggunakan akal secara berkaedah adalah bertepatan dengan dalil dan tujuan syarak yang mewajibkan manusia supaya mengenal Allah SWT dengan melihat dan memikirkan makhluk-makhluk yang ada (Ibn Rushd, 1986).

Jelaslah bahawa mereka adalah orang-orang yang menerima dan mengambil logik Aristotle dan mempertahankannya dari kritikan orang yang menentanginya. Antara sebab utama penerimaan mereka terhadap mantik Aristotle adalah kerana mantik Aristotle merupakan mantik metafizik atau manhaj metafizika. Selain itu, ia juga dianggap sebagai alat kepada fizik dan sebahagian daripada sains seperti biologi. Mereka menerimanya ketika berlaku penterjemahan biologi Aristotle. Ringkasnya, golongan ini membuat pengambilan ilmu mantik secara total ('Ali Sami Al-Nashar, 1977).

Reaksi Golongan *Mutakalimin* (Ulama *Usul al-Din*)

Mutakalimin adalah golongan ahli *al-kalam* yang mendakwa mereka adakah ahli *Ra'y wa al-Nazar*. Ilmu kalam adalah ilmu yang mengandungi hujah-hujah tentang akidah, iaitu akidah keimanan dan menolak pendapat golongan ahli bidaah yang menyeleweng akidahnya dari mazhab ahli *al-Salaf* dan ahli *Sunnah*. Ilmu ini digunakan untuk mempertahankan akidah umat Islam dengan menggunakan dalil-dalil mantik. Mauduk ilmu kalam ialah akidah keimanan setelah dipastikan sah dari segi syarak dan dari segi ia boleh dibuktikan juga dengan dalil-dalil akal. Terdapat beberapa persoalan besar ilmu kalam, antaranya isu kemakhlukan al-Quran, pelaku dosa besar, melihat Tuhan, perbuatan hamba dan lain-lain. Antara tokohnya seperti Abu Hassan al-Baqillani, Imam Haramain al-Juwayni, Abu Hassan Basri dan Yahya Ibn Addi.

Sebahagian mutakalim awal mengambil sikap berwaspada dan berhati-hati dengan mantik Aristotle, bahkan sebaliknya mereka telah mengasaskan mantik atau manhaj Islami yang tersendiri. Sikap berwaspada ini dengan maksud tetap menerima tetapi membuat proses penyaringan dengan menyisihkan elemen-elemen yang menyalahi akidah Islam.

Kewaspadaan para mutakalim terhadap mantik Aristotle kerana dua sebab. Pertamanya ialah ulama kalam tidak boleh menerima metafizik Aristotle yang pada pokoknya bercanggah dengan metafizik al-Quran. Tambahan pula, fakta-fakta kebenaran Aristotle berkaitan dengan fakta-fakta kebenaran metafiziknya dan keyakinan mantik Aristotle berkaitan dengan keyakinan metafiziknya juga. Keduanya ialah mutakalimin telah menolak fizik Aristotle kerana mereka itu adalah golongan *Atomism* iaitu golongan yang berpendapat juzuk yang tidak boleh dijuzukkannya kerana mantik Aristotle berpegang pada fiziknya ('Ali Sami al-Nashar, 1977).

Sikap berwaspada tersebut juga bertitik tolak daripada faktor kedudukan akal dalam menanggapi persoalan-persoalan berkaitan akidah dan keimanan. Dalam karya *Muqaddimah* pada perbahasan Ilmu Kalam, Ibnu Khaldun (2004), menyatakan akal mempunyai batasan yang tidak mampu untuk memahami Allah dan sifat-sifat-Nya, tetapi dalam masa yang sama tetap memperakui bahawa *burhan aqli* juga merupakan jalan menuju tauhid.²²

Oleh hal yang demikian, boleh dikatakan sebahagian besar ulama kalam menerima ilmu mantik secara harmoni bersama panduan wahyu dengan tujuan yang baik di sisi agama.²³ Misalnya, bagi tujuan mempertahankan akidah umat Islam daripada serangan intelek yang berbentuk hujah logik dari musuh-musuh Islam.²⁴ Bahkan disebabkan ini juga, kedudukan akal berserta ilmu mantik sebagai pakejnya diterima oleh ulama *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* aliran *al-Asha'irah* dan *al-Maturidiyyah* sebagai salah satu sumber pembuktian akidah yang boleh mendatangkan keyakinan keimanan (Mahmud Shaltut, 2001).

Reaksi Abu Hassan al-Ash'ari selaku imam mazhab al-Asha'irah²⁵ terhadap logik Aristotle tidaklah dapat dilihat secara langsung. Namun, metodologi pendalilan beliau yang meletakkan kedudukan dalil '*aqli* sebagai penyokong dan pelengkap kepada dalil *naqli* mungkin boleh dinisbahkan secara tidak langsung kepada logik Aristotle melalui suasana persekitaran beliau dan budaya keilmiahan ketika itu hasil dari pengaruh al-Farabi.

Al-Ash'ari yang sezaman dengan al-Farabi telah terdedah dengan ilmu mantik ketika mana karya-karya mantik Greek giat dibawa masuk ke dalam dunia Islam. Menurut Muhammad Rashidi (2019), perbahasan akidah oleh al-Ash'ari yang menggunakan mantik menunjukkan beliau merupakan tokoh pertama yang menerima ilmu mantik secara jelas dalam dunia keintelektualan Islam.

Dapat dilihat Abu Hassan al-Ash'ari mengarang beberapa karya ilmu kalam²⁶ dengan mengaplikasikan penghujahan akliah yang banyak menggunakan kaedah qiyas yang sama dengan kaedah silogisme Aristotle.²⁷ Misalnya, penghujahan al-Ash'ari dalam menolak kedangkalan pemikiran golongan ateis yang menafikan kewujudan Allah melalui dua bentuk silogisme yang disusun dan diringkaskan oleh Muhammad Rashidi (2018). Silogisme pertama; pernyataan awal: setiap yang berubah-ubah itu baharu, pernyataan kedua: setiap yang baharu itu adalah makhluk, maka kesimpulannya adalah setiap yang berubah-ubah adalah makhluk. Silogisme kedua; pernyataan awal: setiap yang qadim wajib wujud, pernyataan kedua: setiap yang wajib wujud tidak harus tiada, maka kesimpulannya setiap yang qadim tidak harus tiada.

Namun bagi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* sebagaimana yang dijelaskan, kedudukan akal tidak menjadi teras utama, ia sekadar metode hujah yang bersifat pengukuhan kepada dalil naqli (Muhammad Abu Zahrah, 1996). Metode penghujahan akal *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* ini berbeza dengan aliran Mu'tazilah yang berpegang bahawa akal merupakan sumber pendalilan utama dalam akidah berbanding dalil naqli, serta berbeza juga dengan satu sisi yang lain yang terlalu menolak peranan akal seperti aliran *Mujassimah* atau *Mushabbihah* dan *Hashawiyah* (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2020).

Sementara itu, penyerapan ilmu mantik ke dalam ilmu Kalam secara meluas bermula pada era al-Ghazali yang dicetuskan oleh beliau sendiri (Ibn Khaldun, 2004). Hal ini demikian kerana sikap beliau yang terbuka dan tidak menolak sesuatu ilmu walaupun ia datang dari orang kafir sekali pun. Bagi beliau, apa yang penting adalah kebenaran (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2020). Menurut Mohd Fauzi (2000), al-Ghazali merupakan antara

ulama yang telah terpengaruh dengan metodologi Aristotle, terutamanya pada metode silogisme yang digagaskan oleh Aristotle melalui karyanya iaitu *Organon* sehingga beliau sendiri banyak menghasilkan karya-karya ilmu mantik.

Namun, disebabkan sentimen masyarakat Muslim pada ketika itu seakan alergi dengan mantik, maka al-Ghazali mengelak mengguna istilah mantik pada nama karya-karya mantik beliau seperti *Mi'yar al-'Ilm*,²⁸ *Mihak al-Nazar*,²⁹ *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*,³⁰ *Maqasid al-Falasifah*,³¹ *al-Qistas al-Mustaqim*³² dan *Mizan*³³.

Penggunaan mantik dalam ilmu kalam ini diikuti kemudiannya oleh tokoh-tokoh mutakalim selepas beliau seperti Fakhr al-Din al-Razi, al-Amidi, al-Baydawi dan ramai lagi (Ibn Khaldun, 2004). Bahkan, al-Razi seakan berpegang bahawa ilmu mantik merupakan satu disiplin ilmu yang khusus, bukan sebagai alat bagi ilmu. Ia berbeza dengan pegangan bahawa ilmu mantik merupakan alat serta pengenalan bagi setiap ilmu seperti mana yang dipegang oleh para ulama sebelumnya³⁴ (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2020).

Al-Razi yang sangat terpengaruh dengan al-Ghazali telah mengaplikasikan kaedah-kaedah mantik dalam penghuraian disiplin ilmu Islam. Dalam perbincangan ilmu kalam misalnya, melalui karya *Muhassal*, beliau dianggap telah menggabungkan dua disiplin ilmu, iaitu ilmu falsafah dan ilmu kalam sehingga menjadi satu disiplin ilmu sahaja. Tindakan beliau ini bukan bertujuan mengelirukan masyarakat, tetapi sikap kritis beliau dalam menanggapi isu-isu kefalsafahan. Apa yang bertepatan dengan kebenaran diterima dan apa yang bersalahan dengan kebenaran akan ditolak (Mohd Fauzi, 2020).

Goldziher iaitu seorang tokoh pemikir Barat merumuskan bahawa metodologi ilmu kalam al-Razi adalah suatu disiplin ilmu yang mengaplikasikan pemikiran falsafah Aristotle. Al-Razi juga berjaya melahirkan tokoh-tokoh mantik terkenal sesudah beliau seperti Athir al-Din al-Abhari yang telah menghasilkan karya mantik berjudul *Isaghuji* dengan menyentuh topik-topik perbincangan dan kaedah logik Aristotle seperti *al-qiyas*, *al-burhan*, *al-mughalatah* dan *al-syi'* (Mohd Fauzi, 2020).

Reaksi Golongan Usuliyin (Ulama *Usul al-Fiqh*)

Ilmu usul al-fiqh dianggap oleh sesetengah sarjana Islam sebagai ilmu yang paling mulia dan berfaedah kerana perbahasannya berkenaan dalil-dalil syarak untuk sampai kepada hukum-hukumnya. Setiap perkara yang diperbahaskan perlu bersumberkan al-Quran, sunah, ijmak dan qias. Malahan, sebahagian tokoh falsafah Islam memasukkan usul al-fiqh ini sebagai cabang utama falsafah Islam selain daripada kalam, tasawuf dan falsafah.

Sebelum perbincangan lebih lanjut, perkara pertama yang perlu diterangkan di sini adalah tanggapan ilmu usul jika dinisbahkan kepada fiqh seumpama ilmu mantik kepada falsafah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa ulama usul telah mengaplikasi kaedah-kaedah logik kerana ilmu ini adalah himpunan metododologi fiqhiyyah di mana ia membahaskan secara *ijmal*, *kaifiyah istidlal* dan sebagainya. Justeru, usul al-fiqh dianggap sebagai metode pengkajian bagi ahli fiqh atau mantik fiqh. Di sini timbul persoalan adakah ia juga telah dipengaruhi dengan manhaj mantik Aristotle atau tidak? Apa yang jelas, manhaj ini telah pun wujud semenjak zaman sahabat lagi dan berterusan hinggalah zaman Imam Hanafi, Imam Syafie dan lain-lain. Lebih jelas melalui kelahiran mazhab dan pembentukan metodologi usul. Maknanya, metode memang lahir dari dunia Islam sendiri tanpa dipengaruhi oleh dunia luar ('Ali Sami Al-Nashar, 1977). Bahkan dalam hal ini, imam al-Shafi'i dilihat berpandangan bahawa orang Arab menjadi jahil dan berselisih pandangan setelah mereka cenderung kepada lisan Aristotle dan meninggalkan lisan Arab³⁵ (Al-Suyuti, t.t.).

Namun, tidak dapat dinafikan bahawa para ulama usul fiqh turut mengaplikasikan metode qias dalam menetapkan hukum-hakam. Imam al-Shafi'i sendiri telah meletakkan metode qias dalam disiplin ilmu usul al-fiqh pada permasalahan fiqh yang tidak mempunyai dalil qat'i dan jelas daripada al-Quran dan hadis. Malah, al-Shafi'i turut dilaporkan mengaplikasikan metode *istiqra'* (induktif) dalam permasalahan penentuan tempoh haid dan nifas bagi wanita³⁶ (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2020).

Sebagaimana al-Ash‘ari, al-Shafi‘i yang terlebih awal juga tidak dapat dilihat hubungan beliau secara langsung dengan Aristotle. Namun menurut Taufikurrahman (2009), teori qias al-Shafie turut diduga kuat mengandungi elemen-elemen logik Aristotle. Teori qias yang diperkenalkan merupakan formulasi dan modifikasi dari era sebelum beliau yang masih belum sistematik dan bersifat bebas.

Walaupun al-Shafi‘i tidak menyatakan syarat-syarat khusus bagi qias, tetapi secara falsafahnya tetap tersirat apabila ulama sesudah beliau mengeluarkan syarat-syarat qias iaitu *asl*, *far‘*, *hukum al-asl* dan *‘illat qiyas* berdasarkan contoh-contoh yang dikemukakan oleh beliau. Ia ternyata mempunyai ciri persamaan dengan logik silogisme Aristotle. Kedua-duanya bertujuan mendapatkan kesimpulan yang benar berdasarkan dua premis pernyataan.

Pada sisi yang lain, terdapat ciri-ciri perbezaan antara qiyas dalam usul al-fiqh dengan metode silogisme Aristotle. Perbezaan antara *qiyas mantiqi* dengan *qiyas usuli* dapat dilihat dari beberapa aspek seperti bentuk susunan, kedudukan dan hubungan dengan nas wahyu, kedudukan ijtihad padanya, bentuk pendalilan *juz‘i* dan *kulli*, serta kedudukannya berdasarkan martabat keyakinan (Muhammad Rashidi, Mohd Fauzi & Mohd Faizul, 2018). Menurut ‘Ali Sami al-Nashar (1977), manhaj yang memang sedia lahir dari dunia Islam ini membuktikan yang ia bebas dari pengaruh metodologi Yunani sehinggalah pada kurun ke-5 Hijrah apabila ia telah bercampur dengan mantik Aristotle dalam ilmu-ilmu Islam.

Walaupun begitu, dakwaan bahawa al-Shafi‘i menerima pengaruh falsafah Aristotle bukan hanya pada hakikat dan bentuk metode qias itu sahaja. Ia turut dapat dilihat dari latarannya melalui para guru al-Shafi‘i. Metode Qiyas beliau didakwa bersumber dari metode *tashbih* dalam ilmu Balaghah yang pertama kali diperkenalkan oleh al-Khalil Ahmad al-Faramdi yang kemudiannya dilanjutkan oleh muridnya, Sibawayh. Kedua-dua guru al-Shafi‘i ini banyak terinspirasi dari falsafah Yunani termasuk falsafah logik Aristotle dalam menyusun disiplin ilmu tatabahasa Arab. Maknanya, walaupun secara tidak pasti, pemikiran Aristotle telah mempengaruhi warisan pemikiran dan keilmuan yang dimiliki al-Shafi‘i (Taufikurrahman,

2009). Selain metode qias, beliau turut menggunakan metode diskusi dalam menjelaskan suatu permasalahan seakan-akan wujud perdebatan antara dua orang yang banyak dipenuhi oleh bentuk-bentuk logik seperti adanya inferens, genus dan spesies (Muhammad Roy, 2004).

Maka, dapat disimpulkan pada peringkat awal perkembangan tradisi keilmuan Islam, al-Shafi'i selaku pelopor kepada disiplin ilmu usul al-fiqh secara tersiratnya seakan berinteraksi dengan falsafah logik Aristotle kerana terdapat beberapa persamaan metodologi fikir antara kedua-duanya walaupun beliau dilihat menolak secara langsung falsafah logik Aristotle. Ataupun mungkin kerana persamaan tersebut kerana kaedah fikir yang bersifat semesta, iaitu punyai nilai sepunya bagi akal yang waras.

Apa yang pasti, penggunaan mantik secara besar-besaran dalam usul al-fiqh dapat dilihat dalam karya *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul* oleh al-Ghazali (Mohd Fauzi Hamat, 2005). Melalui karya ini, beliau memposisikan ilmu mantik sebagai pengenalan kepada setiap ilmu yang berbentuk teoretikal. Pandangan beliau ini turut disokong oleh tokoh-tokoh mantik lain yang menyatakan bahawa ilmu mantik merupakan sebuah alat, neraca, pengantar atau metodologi bagi setiap ilmu (Mohd Fauzi Hamat, 2002). Keadaan ini menggambarkan reaksi positif al-Ghazali terhadap falsafah logik yang datang dari Aristotle walaupun ia bukan seorang Muslim.

Namun, sikap keterbukaan al-Ghazali terhadap mantik turut disertai sikap kewaspadaan melalui kritikan beliau terhadap sebahagian individu yang menegakkan pandangan peribadi tetapi gagal mematuhi kaedah mantik. Namun, menurut Mohd Fauzi (1997), kritikan al-Ghazali tidak ditujukan kepada diri dan kaedah-kaedah mantik, tetapi ia ditujukan pada aspek aplikasi kaedah-kaedah mantik yang tidak bertepatan dengan syarat-syarat disiplin ilmugolik itu sendiri.

Seterusnya, dalam usaha mengembangkan disiplin usul al-fiqh, konsep maqasid al-shariah yang telah diformulasikan secara sistematik oleh al-Shatibi juga boleh dikatakan sebagai reaksi kepada falsafah logik Aristotle.³⁷ Terdapat kemiripan yang dapat dilihat antara pemikiran al-Shatibi tentang maqasid al-shariah dengan falsafah logik Aristotle, iaitu

pada pola perumusan maqasid al-shariah yang mengaplikasikan metode induktif. Bezanya Aristotle sebagai pencetus metode induktif melalui kerangka empirisisme menjadikan maklumat sedia ada pada alam kemudian membentuk satu kesimpulan tentang konsep pengetahuan. al-Shatibi pula menilai dalil-dalil naqli dari al-Quran dan Hadis sebagai data awal perumusan prinsip universal tentang maqasid al-shariah (Taufikurrahman, 2009). Maka, jelas hubungan ilmu usul al-fiqh dengan falsafah logik Aristotle bukan pada metode deduktif atau qias sahaja, bahkan juga pada metode induktif atau istiqlal juga.³⁸

Oleh itu, terdapat pandangan ulama yang meletakkan salah satu syarat kelayakan untuk berjihad adalah menguasai ilmu mantik ('Abd al-Latif al-Khatib, t.t.). Namun ada juga yang tidak bersetuju sepenuhnya dengan syarat ini seperti pandangan Abu Zahrah walaupun beliau mengakui keperluan dan kelebihan ilmu mantik bagi seseorang mujtahid. Namun, secara tersiratnya beliau seakan menerima peranan mantik dalam usul fiqh apabila beliau mensyaratkan seorang mujtahid itu mesti menguasai metode qias dan memiliki daya fikiran yang tajam. Perkara ini secara tidak langsung memberi bukti bahawa ilmu fiqh telah mendapat sumbangan berharga daripada ilmu mantik (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2020).

Reaksi Golongan *Fuqaha'* (Ulama Fiqh)

Secara umumnya ilmu ini didefinisikan sebagai suatu ilmu yang membincangkan hukum-hukum syariat seperti wajib, fardu, haram, sunat, makruh dan mubah. Sumber hukumnya ialah al-Quran dan al-sunah. Hubungannya dengan usul al-fiqh adalah hubungan *umum wa khusus mutlaq*, usul itu umum, manakala fiqh itu khusus. Ia juga membahaskan sebab-sebab perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha yang akhirnya menimbulkan mazhab-mazhab fiqh di mana terdapat aliran ahli Iraq bersumberkan ijmak dan qias, manakala aliran ahli Hijaz bersumberkan hadis dan amalan ahli Madinah.

Sikap golongan ini sangat jelas di mana mereka telah menyerang dengan begitu keras individu atau golongan yang mengambil mantik Aristotle. Antara tokoh-tokoh fuqaha yang mewakili golongan ini seperti

Abu Ishak al-Marghinai, Abu Wafa' Ibn 'Uqail, Qushairi Thorthushi, al-Maziri, Ibn Solah, al-Nawawi dan lain-lain. Tokoh yang paling lantang menentang ialah Ibn Solah dan Ibn Taymiyyah ('Ali Sami al-Nashar, 1977).

Penolakan terhadap mantik Aristotle ini dipopularkan dengan satu slogan masyhur yang sering didengar iaitu "*Man Tamantaqa Faqad Tazandaqa*". Sesiapa yang mempelajari ilmu Mantiq akan menjadi fasiq-slogan ini sudah cukup membayangkan betapa kuatnya penentangan golongan ini terhadap mantik Aristotle, bahkan Mansur Ibn Abi 'Amir pernah membakar buku-buku mantik. Begitu juga penduduk Andalusia, mereka mengharamkan pembelajaran dan pengajaran ilmu mantik. Ibn Tomlus dilaporkan pernah mendakwa bahawa al-Ghazali sendiri tidak berani memaparkan pengkajian ilmu mantiknya dengan menggunakan nama mantik dalam karangan-karangannya tetapi dengan nama lain seperti *Mi'yar*, *Mihak* dan *Mizan*. Ada sebahagian ulama yang berpendapat haram membaca kitab-kitab usul al-fiqh yang bercampur di dalamnya dengan ilmu mantik ('Ali Sami al-Nashar, 1977).

Ibn Solah sangat jelas penentangannya seperti mana dalam fatwanya, "*Mantik adalah pengantar bagi falsafah dan pengantar bagi sesuatu yang cela juga adalah kecelaan*". Tiada seorang pun yang mengharuskan penglibatan dalam ilmu mantik sama ada dalam kalangan para sahabat Nabi, tabiin mahupun imam-imam mujtahidin dan salafussoleh serta lain-lain. Bagi beliau juga, penggunaan istilah-istilah mantik dalam perbincangan hukum-hakam fiqh merupakan suatu perbuatan bidaah, khurafat dan kemungkaran yang keji. Malah, beliau menyatakan bahawa falsafah adalah asas kebodohan, kelemahan dan kesesatan ('Uthman ibn al-Salah, 1986).

Lebih jelas penolakan dilakukan oleh Ibn Taymiyyah melalui karangan beliau yang bertajuk *al-Radd 'ala al-Mantiqiyin*.³⁹ Penolakan ilmu mantik oleh Ibn Taymiyyah adalah dengan hujah bahawa manusia itu sendiri telah mempunyai keupayaan menggunakan akal yang diberikan oleh Allah secara fitrah tanpa perlu belajar ilmu mantik. Beliau turut mengkritik metode ta'rif dan qiyas dalam ilmu mantik yang dikatakan asasnya diambil daripada mantik Aristotle⁴⁰ (Ibn Taymiyyah, 2005).

Secara ringkasnya, penolakan mantik Aristotle oleh golongan fuqaha seperti mana yang dirumuskan oleh ‘Ali Sami al-Nashar (1977), adalah disebabkan tiga faktor utama. Pertamanya ialah mantik Aristotle membelenggu fitrah Islam dengan undang-undang ciptaan sendiri seperti persoalan *had* (takrif) dan *istidlal*. Keduanya ialah sikap ajaran Islam yang menghormati sifat keperluan manusia yang berubah-ubah. Sebaliknya, mantik Aristotle menganggap undang-undangnya tetap dan total. Akhir sekali ialah tiada seorang pun sahabat Nabi SAW dan imam-imam mujtahid yang terlibat dalam lapangan mantik Aristotle dan memperkembangkannya dalam lain-lain disiplin ilmu-ilmu Islam.

KESIMPULAN

Begitulah beberapa pandangan golongan para ulama dari pelbagai disiplin dan metodologi ilmu terhadap mantik Aristotle. Reaksi terhadap ilmu mantik khususnya garapan Aristotle telah banyak dibincangkan dari aspek penerimaan atau penolakannya. Tulisan ini tidaklah bertujuan untuk menyokong atau menolak mana-mana pandangan di atas tetapi hanya sekadar sebagai bahan perbincangan dalam bidang pemikiran Islam dengan meninjau faktor dan kritikan yang dilakukan. Penilaian semula perlu dilakukan berdasarkan konteks semasa. Sikap keterbukaan Muslim dalam penerimaan mantik Aristotle melambangkan kepentingan nilai ilmu dalam agama Islam yang tidak membataskan sumber ilmu hanya daripada orang Islam sahaja. Sementara itu, kritikan-kritikan terhadap mantik secara tidak langsung memberi sumbangan penambahbaikan ilmu mantik dari semasa ke semasa sehingga terzahir kesahihan dan keabsahannya. Sebagaimana yang dinyatakan tadi, apa yang penting adalah keperluan meninjau kepada faktor-faktor dan kritikan yang dilakukan. Sikap para ulama dan intelek sebelum ini perlu difahami dan ditekuni dalam usaha pembinaan wacana keilmuan dunia Islam pada masa kini.

NOTA

- ¹ Mantik atau logik adalah satu ilmu yang membahaskan tentang *arad zatiyah* bagi *ma'qulat* kedua yang dilaksana pada *ma'qulat* pertama dari sudut ia boleh menyampaikan kepada *majhulat* atau penyampaian itu terhenti kepadanya. Untuk mendapat huraian lanjut sila lihat Muhyi al-Din Sofi (1983), *Taudih al-Mantiq al-Qadim*, Madkur, Ibrahim (1983), *al-Mu'jam al-Falsafi*, Jamil Saliba (1982) *al-Mu'jam al-Falsafi*.
- ² Ilmu mantik sangat besar kegunaannya dalam falsafah sains, khususnya falsafah biologi di mana keperluan menerangkan perbezaan asasi antara satu spesies dengan spesies yang lain. Lihat 'Ali Sami al-Nashar (1977). *Manahijul-bath Inda Mufakiril Islam*. Falsafah sains ialah suatu subjek yang bertujuan untuk mengkaji tabii daripada interaksi berbagai-bagai fenomena yang rencam terdapat dalam alam ini dengan menggunakan salah satu kaedah mantik, iaitu kaedah induksi atau metode induktif iaitu suatu kajian yang bermula daripada khusus kepada umum.
- ³ Metode Qiyas merupakan satu bentuk hujah kebenaran melalui pendalilan tidak langsung (*al-istidlal ghayr al-mubashir*) yang berkeupayaan menghasilkan satu kesimpulan. Kesimpulan yang dihasilkan daripada kaedah tersebut berdasarkan penerimaan dua muqadimah yang mempunyai dua *al-qadiyyah* dan satu *al-hadd* ('Abd al-Rahman Hassan Habannakah al-Maydani, 1993).
- ⁴ Kaedah induktif atau induksi ialah penalaran dari kes khusus kepada kesimpulan atau rumusan umum. Ia berkait rapat dengan logik Moden atau logik Menaik di mana secara prinsipnya ia berasaskan unsur empirikal-induktif kerana bertolak daripada pengamatan dan pengalaman serta uji kaji yang merupakan prinsip utama dalam sains Moden dan diperkembangkan kaedah ini oleh sarjana Muslim yang dikenali sebagai kaedah al-Istiqra'. Lihat, M. Saeed Sheikh, *A Dictionary of Muslim Philosophy* (1970); Ibrahim Madkur, *Mu'jam Falsafi* (1983).
- ⁵ Pernyataan ini turut dinyatakan oleh Richard Joseph McCarthy, *Freedom and Fulfillment* (1980) dan Majid Fakhry, *The History of Muslim Philosophy* (1970). Untuk memahami secara rinci perbincangan sama ada mantik itu cabang ilmu falsafah atau ilmu alat pada falsafah, sila lihat 'Ali Sami al-Nashar (1977). Lihat juga Iwadullah Hijazi (1985).
- ⁶ Antara istilah-istilah tersebut adalah seperti subjek (*maudu'*), prediket (*mahmul*) spesies (*naw'*), genus (*jins*), kategori (*fasl*), jawhar, aradh, takrif jawhari, takrif rasmi dan sebagainya.
- ⁷ Aristotle dikenali sebagai pengasas mantik dan guru pertama kerana beliau merupakan individu pertama yang memperkenalkan logik sebagai kaedah ilmiah yang tersendiri selain membukukannya pada kurun ke-4 Sebelum Masihi. Walau bagaimanapun, Tawfik al-Attas (2007) menukulkan ulasan dari Ibn Sina yang menyatakan besar kemungkinan mantik Timur berasal dari Timur sendiri lebih dahulu lagi dari Aristotle dengan kemungkinan penggunaan nama lain.
- ⁸ *Haqiqah Kuliyah* ialah sesuatu yang bersifat *universe* yang wujud dalam aqal sahaja seperti insan adalah *hayawan natiq*, manakala *Haqiqah Juiziyah*nya seperti *afraad-afraadnya* (*Mafthum dan Ma sodaq*). Takrif merupakan satu persoalan utama dalam ilmu mantik. Takrif pula terbahagi kepada dua jenis iaitu *ta'rif bil had* dan *ta'rif bi-rasm*.
- ⁹ *Al-Qismah al-Mantiqiyah* ialah pembahagian yang bermula daripada yang paling umum kepada yang paling khusus. Contohnya politik itu ilmu teori dan amali. Politik tergolong dalam bahagian yang pertama. Ilmu teori ialah ilmu suruhan dan ketetapan pada sesuatu perkara, politik termasuk dalam bahagian yang pertama hinggalah jelas makna politik.
- ¹⁰ Al-Ghazali dikatakan telah belajar ilmu mantik daripada al-Imam al-Haramayn al-Juwayni dan kemudiannya mengajarkan ilmu ini kepada para penuntut ilmu di institut pengajian al-Nizamiyyah di Baghdad.

- ¹¹ Selain faktor terjemahan yang dominan, terdapat juga faktor picisan berlakunya transisi ilmu falsafah dari dunia Islam ke dunia Barat seperti hubungan peribadi antara orang Kristian dan Muslim. Contohnya, hubungan Frederick II Hohenstaufen, yang berkenalan secara langsung dengan sejumlah sarjana Muslim. Faktor lain juga adalah sebilangan kecil sarjana Kristian seperti Ramon Marti dan Ramon Llull mahir dalam bahasa Arab sendiri dan memanfaatkan sumber-sumber Arab ketika menyusun karya-karya Latin (Hasse, 2020).
- ¹² Pada tahun 1255, fakulti kesenian di Paris telah mengisytiharkan semua karya terkenal Aristotle sebagai bacaan wajib bagi para pelajar. Maka, ini secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan permintaan karya Ibn Rushd yang mensyarah karya Aristotle sebagai sastera sekunder utama universiti (Hasse, 2020).
- ¹³ Ada beberapa pandangan berkenaan hal ini. Satu pandangan menyatakan ia bermula pada awal pemerintahan Khalid bin Yazid. Sementara pandangan yang lebih kuat adalah semasa pemerintahan Abu Ja'afar al-Mansur (Suleiman Boayo, 2014).
- ¹⁴ Satu kumpulan ahli falsafah Islam yang dikatakan terlalu terpengaruh dengan falsafah dan logik Aristotle dan mereka dikenali dengan istilah "*The Muslim Aristotelian Philosopher*" iaitu Ibn Sina dan Al-Farabi. Dalam dunia Islam, tidak ada tokoh yang sehandal atau sehebat Ibn Sina dan al-Farabi dalam memahami selok-belok falsafah Greek terutamanya falsafah dan logik Aristotle melainkan kedua tokoh tersebut.
- ¹⁵ Dalam konteks ini, Logic Stoic dikatakan ada persamaan dengan ilmu usul al-Fiqh dan ilmu al-Kalam yang telah menerima kemasukan ilmu logik sebelum zaman al-Farabi lagi. Golongan Stoicism adalah salah satu aliran sekolah falsafah Yunani Hellinistik, dinamakan sedemikian kerana nisbah kepada suatu sudut atau tempat yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran ilmu falsafah terutamanya falsafah akhlak. Kumpulan ini dikenali *al-Ruwaqiyyun*. Lihat, Osman Bakar, *Al-Farabi: Kehidupan, Hasil Karyanya dan Peri Penting Tokoh* (1991).
- ¹⁶ Lihat nota kaki no. 12.
- ¹⁷ Walaupun al-Ghazzali dilihat terbuka terhadap ilmu mantik, tetapi beliau tetap mengambil sikap waspada dengannya. Hal ini dapat dilihat melalui kritikan beliau terhadap golongan yang tidak mematuhi kaedah mantik yang telah ditetapkan oleh para ulama dalam usaha menegakkan pendapat peribadi. Dalam persoalan berkaitan ketuhanan, beliau mengkritik failasuf yang gagal mengikuti kaedah mantik yang telah disepakati. Kritikan beliau ini telah dianggap oleh Ibn Taymiyyah sebagai pembuktian bahawa perubahan sikap al-Ghazali terhadap ilmu mantik. Namun bagi Mohd Fauzi Hamat (1996), kritikan al-Ghazali tidaklah sampai menolak mantik sebagai satu kaedah ilmu, tetapi kritikkannya tertumpu kepada aspek aplikasi atau penggunaannya yang tidak menepati syarat yang digariskan oleh ulama. Pada satu sisi yang lain juga, kritikan beliau juga adalah kerana penemuan metode kashaf.
- ¹⁸ Menurut Syed Ali Tawfik al-Attas (2007), karya yang dipersembahkan oleh al-Farabi dalam bidang syair mempunyai dua aspek; pertamanya melihat kemampuan beliau dalam memahami secara tepat dan menyeluruh berkenaan mantik Aristotle yang sudah tersebar dalam dunia Arab; keduanya melihat keupayaan beliau mengasaskan lima seni iaitu lima bentuk hujah.
- ¹⁹ Ibn Sina mengarang kitab ini dengan tujuan memujuk Sultan Dinasti Kakwayh dan mempersembahkannya kepada baginda sebagai hadiah. Kitab ini kemudiannya diterjemah ke dalam bahasa Parsi dengan tajuk *Danishnamah Ala'i*. Lihat; Tawfik al-Attas (2007).
- ²⁰ Secara umumnya, risalah tidak dapat dipastikan sandaran kepada karya Ibn Sina. Walau bagaimanapun, satu salinan karya ini didapati berada di Istanbul. Secara ringkasnya, ia merupakan suatu risalah tentang mantik, fizik dan metafizik. Perbahasan yang dibincangkan turut berada dalam karya beliau yang lain seperti *al-Najat* dan *al-Isharat*. *Ibid*.

- ²¹ Kitab ini dianggap sebagai salah satu karya teragung dalam bidang falsafah, Ibn Sina telah menulis suatu bab khusus tentang mantik. Tajuk bab itu ialah *al-Burhan* dan itelah diterbitkan secara berasingan di Kaherah pada tahun 1954 oleh Abdul Rahman Badawi.
- ²² 'Ali Sami al-Nashar (1977) menukulkan dari Ibn Khaldun yang menyatakan bahawa orang Islam tidak mengambil kaedah qias yang bercampur dengan ilmu-ilmu falsafah yang bercanggah dengan akidah Islam.
- ²³ Menurut Ibrahim Abu Bakar (1982), ilmu mantik telah meresap ke wilayah ilmu kalam kerana topik perbahasan kedua-duanya berkaitan dengan isu akidah.
- ²⁴ Oleh itu, dapat dilihat banyak pendalilan dalam mensabitkan sifat pada Allah dengan mengimplementasikan metode *Qiyas Mantiqi*. Terdapat beberapa kaedah Qiyas yang digunakan. Antaranya adalah seperti *Qiyas al-Istithnai* atau disebut *al-Sabr wa al-Taqsim* dan *Qiyas Iqtirani Hamli* (Al-Ghazali, 1983). Terdapat juga manhaj ilmu kalam yang menggunakan *Qiyas Tamthil* dalam mentakwil ayat *Mutashabihat* bagi mentanzihkan Allah yang pada asalnya digunakan dalam ilmu fiqh (Ibn Hazm, al-Fasl fi al-Milal wa Ahwa' Wa Nihal).
- ²⁵ Mazhab akidah al-Asha'irah disandarkan kepada Abu Hassan al-Ash'ari melalui metodologi memahami akidah Islam telah disambut oleh ramai tokoh al-Asha'irah selepas beliau seperti al-Baqillani, al-Isfiryani, al-Shirazi, al-Juwayni, al-Ghazali, al-Shahrastani, al-Razi, al-Amidi, al-Taftazani, al-Jurjani, al-Baijuri dan ramai lagi.
- ²⁶ Antara karya-karya tersebut adalah *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah, Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin, Risalah ila Ahl al-Thaghr, al-Luma' fi al-Rad 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bid'a dan Risalah fi al-Istihsan al-Khawd fi 'Ilm al-Kalam*.
- ²⁷ Silogisme merupakan satu bentuk penghujahan logik yang melalui proses penaakulan deduktif untuk sampai pada sebuah kesimpulan berdasarkan sekurang-kurangnya dua pernyataan (Stanley Jevons, 1884).
- ²⁸ *Mi'yar al-'Ilm* dikatakan adalah karya terunggul Imam al-Ghazali dalam bidang Mantiq yang ditulis bertujuan menjelaskan komitmen beliau terhadap ilmu mantik sebagai satu neraca timbangan bagi ilmu pengetahuan. Karya ini juga dikatakan pada asalnya adalah salah satu bahagian daripada kitabnya yang lain iaitu *Tahafut al-Falasifah*, namun ia terpisah dari kitab asal akibat peredaran zaman. Lihat Mohd Fauzi Hamat (1997), "Mantiq Greek Menurut Pandangan al-Imam al-Ghazzali," *Jurnal Usuluddin*, Bil. 6.
- ²⁹ *Mihak al-Nazar* bermaksud ukuran penentu kesahihan sesuatu penelitian. Kitab ini ditulis bagi menganalisis dan membentangkan kaedah logik berdasarkan pendekatannya yang tersendiri termasuk banyak istilah baharu yang diciptanya. Lihat Fauzi Hamat, *Ketokohan al Ghazali dalam bidang Logik*, hlm. 57-58.
- ³⁰ Karya ini sebenarnya adalah kitab bidang Usul al-Fiqh. Namun, di dalamnya, beliau telah memperkenalkan pengenalan mantik sebagai pengantar bagi disiplin ilmu Usul al-Fiqh. Ia merupakan percubaan pertama beliau bagi mendekati disiplin-disiplin ilmu Islam dengan ilmu mantik yang telah ditolak oleh sebahagian ulama sebelumnya. Lihat, *Ibid*.
- ³¹ Karya ini mengandungi ringkasan yang jelas dan menyeluruh serta kritikan terhadap teori-teori falsafah seperti yang dibawa oleh al-Farabi dan Ibn Sina. Lihat, *Ibid*.
- ³² *Qistas Mustaqim* bermaksud neraca timbangan yang lurus. Imam Ghazali cuba mengetengahkan kaedah logik khususnya qias yang boleh berperanan sebagai al Mizan bagi menilai sesuatu pandangan samada betul atau salah. Ia juga boleh menimbang disiplin ilmu lain seperti aritmetik, geometri, fizik dan sebagainya sebagaimana yang dirakamkan dalam al-Quran Surah al-Hadid ayat 25. Lihat Fauzi Hamat, *Ketokohan al Ghazali dalam bidang Logik*, hlm. 58-60.
- ³³ Ia merujuk kepada qias ilmiah atau al-Burhan yang juga bermaksud neraca timbangan. Beliau mengelak mengguna qias dalam konteks ini kerana kata asalnya sudah hilang apabila mutakalimin sering menggunakan qias dalam konteks fiqh yang bersifat teoretis. Mizan adalah sama maksud dengan qias kerana terdiri daripada dua unsur penting lafaz

- dan muqaddimah serta dibahagikan kepada tiga iaitu Mizan al-ta'adul, mizan talazum dan mizan ta'anud. Lihat *Ibid* hlm. nota kaki 76-78.
- ³⁴ Al-Razi belajar ilmu mantik daripada seorang ulama terkenal yang bernama Majd al-Din al-Jili. Melalui karya mantik al-Razi seperti *Sharh 'Uyun al-Hikmah* dan *Lubab al-Isyarat wa al-Tanbihat* menggambarkan penguasaan beliau terhadap kaedah logik yang disusun oleh Aristotle (Mohd Fauzi, 2000).
- ³⁵ Melalui kalam ini, al-Suyuti berpandangan bahawa al-Shafi'i menolak ilmu mantik serta ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan falsafah Greek. Lihat al-Suyuti (t.t.).
- ³⁶ Muhammad Rashidi, Mohd Fauzi dan Mohd Faizul (2018) ada menukulkan hujah-hujah yang dihimpun oleh al-Nashshar bahawa al-Shafi'i turut terkesan dengan konsep falsafah Yunani sebelum beliau mengasaskan *al-qiyas al-usuli*. Hujah-hujah tersebut adalah; i) ilmu mantik dalam Islam telah berkembang bermula sebelum zaman al-Shafi'i lagi, ii) al-Shafi'i telah menguasai bahasa Yunani, dan iii) kewujudan beberapa persamaan antara kaedah *al-qiyas al-usuli* yang dikemukakan oleh beliau dengan kaedah *al-tamthil* yang diasaskan oleh Aristotle.
- ³⁷ Penggunaan istilah "maqasid al-shariah" mula diperkenalkan oleh al-Turmudhi al-Hakim, kemudian dibahaskan oleh ulama kemudiannya seperti al-Maturidi, al-Shashi, al-Abhari, al-Baqillani, al-Juwayni, al-Ghazali, al-Razi, al-Amidi, Ibn Hajib, al-Baydawi, al-Asnawi, Ibn Subki, Ibn 'Abd al-Salam, al-Qarafi, al-Tufi, Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim, seterusnya dikembangkan oleh Ibn Rusud ke dunia Barat Islam sebelum sampai kepada al-Shatibi (Taufikurrahman, 2009).
- ³⁸ Selain metodologi logik, hubungan konsep maqasid al-shariah dengan rasional falsafah logik dapat dilihat pada dasarnya. Rasional falsafah terbina atas landasan keadaan dan hukum alam serta juga pada prinsip kebersebaban, manakala rasional agama terbina atas dasar maksud dan tujuan pembuat syariah iaitu Allah yang dirumuskan dalam konsep maqasid al-shari'ah.
- ³⁹ Dalam karya ini, Ibn Taymiyyah telah merujuk kepada sebuah buku bertajuk *al-Ara' wa al-Diyana* karangan al-Hassan bin Musa al-Nawbakhti yang telah mendedah serta menjelaskan kesalahan-kesalahan Aristotle dan juga falsafahnya. Pada bahagian awal kitab *al-Radd 'ala al-Mantiqiyin*, Ibn Taymiyyah membahaskan tentang istilah ilmu mantik seperti *al-Hadd, al-Qawl al-Sharih* dan serta lain-lain. Beliau turut membahaskan silogisme, yang dibahagikan kepada *pembuktian, jadal, khitabah, syair* dan *safsatah*. Pada hujung perbahasan silogisme pula, beliau menjelaskan tentang qias dan induksi. Lihat Tawfik al-Attas (2007).
- ⁴⁰ Malah, Ibn Taymiyyah memperkenalkan *al-qiyas al-awla* sebagai satu kaedah mantik baharu yang bagi beliau lebih bertepatan dengan al-Quran dan hadis. Metode *al-qiyas al-awla* merujuk kepada kaedah qiyas yang menjadikan hukum dikeluarkan adalah melebihi daripada yang dinyatakan dalam dalil nas. Lihat; (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2020). Untuk lebih lanjut berkenaan perbahasan hujah penolakan ilmu mantik oleh Ibn Solah dan Ibn Taymiyyah serta hujah bidasan yang lebih rinci boleh rujuk Sa'id Foudah (2013), *Tad'im al-Mantiq, Jawlah Taqdimiyah ma'a al-Mu'aridin li 'Ilm al-Mantiq min al-Mutaqaddimin, Ibn Taymiyyah-Ibn Solah-al-Suyuti*.

RUJUKAN

- Al-Farabi, Abu Nasr. (1996). *Ihsa' al-'Ulum*. Bayrut: Dar wa Maktabah al-Hilal.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1987). *Tahafut al-Falasifah*. Kaheerah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1990). *Mi'yar al-'Ilm fi al-Mantiq*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2016). *Mihak al-Nazar*. Bayrut: Dar al-Minhaj.
- Al-Khatib, Ahmad ibn 'Abd al-Latif al-Jawi. (t.t.). *Hashiyyah al-Nafahat 'ala Sharh al-Waraqat*. Kaheerah: Matba'ah al-Halabi.
- Al-Maydani, 'Abd al-Rahman Hasan Habannakah. (1993). *Dawabital-Ma'rifah wa Usul al-Istidlal wa al-Munazarah*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din (t.t.). *Sawn al-Mantiq wa al-Kalam 'an Fann al-Mantiq wa al-Kalam*. T.t.: Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah.
- 'Ali Sami al-Nashar. (1977). *Manahij al-bath Inda al-Mufakirin Islam*. Kaheerah: Dar Maarif.
- Basri Husin. (2018). Perbahasan epistemologi dalam wacana kalam al-Asha'irah: Analisis terhadap Pemikiran al-Baqillani (m. 403H) dan al-Baghdadi (m. 429H). Tesis Doktor Falsafah (tidak diterbitkan). Akademi Pengajian Islam, University Malaya, Kuala Lumpur.
- Druart, Therese-Anne. (2020). Al-Farabi. *The Stanford Encyclopedia of Philosophy*. Edward N. Zalta. Pautan: <<https://plato.stanford.edu/archives/fall2020/entries/al-farabi/>>.
- Hijazi, Iwadullah Jad. (1985). *Al-Mursyid al-Salim fi al-Mantiq al-Hadis wa al-Qadim*. Kaheerah: Dar al-Huda.
- Hasse, Dag Nikolaus. (2006). *The social conditions of the Arabic -(Hebrew-) Latin Translation Movements in Medieval Spain and in the Renaissance*. Berlin: De Gruyter.
- Hasse, Dag Nikolaus. (2020). Influence of Arabic and Islamic Philosophy on the Latin West. *The Stanford Encyclopedia of Philosophy*. Edward N. Zalta. Pautan: <<https://plato.stanford.edu/archives/spr2020/entries/arabic-islamic-influence/>>.
- Ibn al-Salah, Taqi al-Din Abu 'Amr 'Uthman. (1986). *Fatawa wa Masa'il Ibn al-Salah fi al-Tafsir wa al-Hadith wa al-Usul wa al-Fiqh*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman ibn Muhammad. (2004). *Muqaddimah*. Damshiq: Dar al-Balkhi.
- Ibn Rushd, Abu al-Walid Muhammad ibn Ahmad. (1986). *Fasl al-Maqal Bayn al-Shari'ah wa al-Hikmah min al-Ittisal*. Beirut: Dar al-Mashriq.
- Ibn Sina, Abu 'Ali al-Husayn ibn 'Abd Allah. (1960). *Al-Isharat wa al-Tanbihat*, ed. Sulayman Dunya. Kaheerah: Dar al-Ma'arif.

- Ibn Taymiyyah, Taqi al-Din Ahmad ibn 'Abd al-Halim al-Harrani. (2005). *Al-Radd 'ala al-Mantiqiyyin*. Bayrut: Mu'sasah al-Rayyan.
- Ibrahim Abu Bakar. (1982). Metodologi Ilmu Kalam. *ISLAMIYYAT: The International Journal of Islamic Studies* 4, 67-80.
- Ibrahim Madkur. (1983). *Al-Mu'jam al-Falsafi*. Kaherah: Matbaah Amiriyah.
- Jamil Saliba. (1982) *Al-Mu'jam al Falsafi*. Lubnan: Dar Kitab Lubnan.
- Mahmud Shaltut. (2001). *Al-Islam 'Aqidah wa Shari'ah*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Majid Fakhry. (1970). *A history of Islamic philosophy*. New York: Columbia Univ. Press.
- Mohd Fauzi Hamat. (1996). *Pengaruh mantiq terhadap pemikiran Islam*. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Fauzi Hamat. (1997). Mantiq Greek menurut pandangan al-Imam al-Ghazzali (M. 505 H./1111 M.). *Jurnal Usuluddin*, 6(2), 117-129.
- Mohd Fauzi Hamat. (2000). Mantik Aristotle dalam karya ulama: Satu analisis terhadap beberapa bahan penulisan al-Imam Fakhr al-Din al-Razi (M. 606 H./1209 M.). *Jurnal Usuluddin*, 11(1), 1-12.
- Mohd Fauzi Hamat. (2002). Kedudukan Mantik sebagai mukadimah ilmu: Satu analisis pandangan al-Imam al-Ghazali. *Jurnal Afkar*, 3(1), 33-56.
- Mohd Fauzi Hamat. (2005). *Ketokohan al-Ghazzali dalam Bidang Logik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Rashidi Wahab. (2018). Interaksi Al-'Ash'ari Terhadap ideologi bertentangan. *Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunah Waljamaah 2.0*. Bangi: Kompleks Tun Abdullah Mohd Salleh, Universiti Kebangsaan Malaysia. 27 Oktober.
- Muhammad Rashidi Wahab. (2019). *Pendalilan Mantik al-Ash'ari dalam akidah ketuhanan*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah (tidak diterbitkan). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat. (2020). Kedudukan ilmu Mantik dalam pemikiran Islam. *Jurnal Afkar*, 22(2), 1-42.
- Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Fauzi Hamat & Mohd Faizul Azmi. (2018). Konsep al-Qiyas al-USuli dan al-Qiyas al-Mantiqi dalam pendalilan akidah. *Jurnal Afkar*, 20(2), 53-92.
- Muhammad Roy. (2004). *Usul Fikih Madzhab Aristoteles*. Yogyakarta: Safiria Insana Press.
- Muhyi al-Din Ahmad Sofi. (1983). *Taudih al-Mantiq al-Qadim*. Kaherah: Dar Tibaah Muhamadiyah.
- Nayif Nahar. (2016). *Muqaddimah fi 'Ilm al-Mantiq*. Doha: Muassasah Wa'y li al-Dirasat wa al-Abhath.
- Osman Bakar. (1990). *Classification of knowledge in Islam*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise
- Osman Bakar. (1991). *Al-Farabi: Kehidupan, hasil karyanya dan peri penting tokoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Osman Bakar. (1991). Pengenalan Teori Logik al-Farabi. *Jurnal Kesturi*, 1(1) Jun.
- Osman Bakar. (2005). Kedudukan dan kepentingan ilmu mantik dalam perkembangan ilmu. *Kertas kerja Seminar Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) 26-27 Julai.
- Richard Joseph McCarthy. (1980). *Freedom and fulfillment*. Woodbridge: Twayne Publishers.
- Saunders, Jason Leazawis. (2019). Stoicism. *Encyclopedia Britannica*. <https://www.britannica.com/topic/Stoicism>.
- Sa'id 'Abd al-Latif Foudah. (2013). *Tad'im al-Mantiq, Jawlah Taqdimiyah ma'a al-Mu'aridin li 'Ilm al-Mantiq min al-Mutaqaddimin, Ibn Taymiyyah-Ibn Solah-al-Suyuti*. Amman: Dar al-Nur al-Mubin.
- Sheikh, M. Saeed. (1970). *A Muslim Dictionary of Muslim Philosophy*. Lahore: Institute of Islamic Culture, Pakistan.
- Suleiman Mohammed Hussein Boayo. (2014). Logic and thinking: Al-Fārābī's conception and its relationship to knowledge and education. *TAFHIM: Journal of Islam and The Contemporary World*, 7, 1-25.
- Syed Ali Tawfik al-Attas. (2007). Sejarah ringkas ilmu mantiq. Laman *Institut Kefahaman Islam Malaysia*. Pautan: <http://www.ikim.gov.my/index.php/2007/08/14/sejarah-ringkas-ilmu-mantiq>.
- Syed Ali Tawfik al-Attas. (2005). Ilmu Mantik sebagai pencetus perkembangan ilmu dan peradaban. *Kertas kerja Seminar Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 26-27 Julai.
- Taufikurrahman. (2009). Filsafat Aristoteles dalam Usul Fikih: Eksplorasi atas latar historis perjalanan usul fikih. *RELIGI. Jurnal Studi Agama-agama*, 5(1), 13-24.
- Wilfrid Hodges & Therese-Anne Druart. (2020). Al-Farabi's Philosophy of logic and language. *The Stanford Encyclopedia of Philosophy*. Edward N. Zalta. Pautan: <<https://plato.stanford.edu/archives/fall2020/entries/al-farabi-logic/>>.
- William Stanley Jevons. (1884). *Studies in deductive logic: A manual for students*. London: Macmillan and Co.